



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN MODUL PENDIDIKAN AKHLAK BERDASARKAN SURAH
LUQMAN TERHADAP PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU POSITIF
KANAK-KANAK: SATU KAJIAN KES DI KEDAH**

NOR FAUZIAN BINTI KASSIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**

**PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) berpandukan model reka bentuk pengajaran Dick, Carey dan Carey serta model pembinaan modul Sidek dan Jamaludin. Dalam konteks pembinaan akhlak, teori moral Kohlberg dan Piaget serta perspektif Al-Ghazali telah dijadikan asas teorikal kajian. Pada peringkat pembinaan modul, MPAL telah melalui proses kesahan kandungan oleh panel pakar bidang. Kajian ini juga untuk menentukan keberkesanan MPAL terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah dipilih. Pemilihan peserta kajian dijalankan secara pensampelan bertujuan melibatkan enam orang kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun. Peserta kajian dipilih daripada sebuah Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di negeri Kedah. Jenis instrumen telah digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik, senarai semak pemerhatian, dan protokol temu bual separa struktur. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS dan Atlas.ti 8. Instrumen soal selidik menunjukkan kesahan kandungan adalah tinggi iaitu 0.92% dan nilai kebolehpercayaan instrumen iaitu pekali Cronbach's Alpha ialah 0.896. Dapatkan pemerhatian dan temu bual menunjukkan terdapat empat tema utama yang muncul daripada peserta kajian iaitu tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa, rendah hati (tidak sompong), bersederhana, dan bertutur secara sopan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan MPAL dapat membantu pembentukan tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak di sebuah TASKA. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan MPAL dapat dijadikan sebagai panduan kepada pendidik awal kanak-kanak untuk mengajar pendidikan akhlak kepada kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



EFFECTIVENESS OF AKHLAQ EDUCATION MODULE BASED ON SURAH LUQMAN TOWARDS THE FORMATION OF CHILDREN'S POSITIVE BEHAVIOURS: A CASE STUDY IN KEDAH

ABSTRACT



The purpose of this study was to develop the Akhlaq Education Module based on Surah Luqman (MPAL) in accordance with the Dick, Carey and Carey instructional design model and also Sidek and Jamaludin module construction model. In the context of moral development, Kohlberg and Piaget's moral theory and Al-Ghazali's perspective have been used as the theoretical basis for this study. At the development stage of the MPAL, it has undergone the content validity process by expert panels. This study was also designed to determine the effectiveness of MPAL towards the formation of the children's positive behaviours. Qualitative approach with a case study design was used in this study. A purposive sampling involve six children age three to four years old was utilised. Participants were selected from a Child Care Center (TASKA) in Kedah. Three types of instrument were used in this study, such as questionnaires, observation checklist, and interview protocol. The data were analysed using SPSS and Atlas.ti 8 software. The results showed that the value of the validity of the module content was high that is 0.92% and the value of instrument reliability that is Cronbach's Alpha coefficient was 0.896. Observation and interviews findings show that there are four main themes emerged from the study: good behaviours towards parents, being humble (not arrogant), moderate, and polite. In conclusion, this study has shown that MPAL could assist children to form positive behaviours. Main implication indicates that the MPAL could be used as a guidance to early childhood educators to teach akhlaq education to children age three to four years old.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
-----------------	----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----



SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	23
1.5 Soalan Kajian	24
1.6 Kepentingan Kajian	26
1.7 Batasan Kajian	30





1.8 Definisi Operasional	33
1.8.1 Modul Pendidikan Akhlak	33
1.8.2 Tingkah laku Positif	37
1.8.3 Kanak-kanak	40
1.9 Rumusan	43

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	43
2.2 Pendidikan Akhlak Kanak-kanak	44
pustaka.upsi.edu.my	
f Perpustakaan Tuanku Bainun	
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
2.3 Kepentingan Pendidikan Akhlak dan Moral Kanak-kanak	56
2.4 Latar Belakang Teoritikal	57
2.4.1 Pandangan Imam Al-Ghazali	57
2.4.2 Pandangan Abdullah Nashih Ulwan	63
2.4.3 Teori-teori Moral	64
2.5 Teori Perkembangan Moral Piaget	66
2.6 Teori Perkembangan Moral Kohlberg	70
2.7 Kerangka Teoritikal Kajian	75
2.8 Kerangka Konseptual Kajian	76
2.9 Model Pembinaan Modul	78
2.9.1 Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey	79
2.9.2 Model Pembinaan Modul Sidek	88





2.10 Surah Luqman	94
2.11 Model-model Lepas Berkaitan Surah Luqman	101
2.12 Keperibadian Luqman Al-Hakim	104
2.13 Metodologi Pendidikan Luqman	110
2.14 Tingkah laku Positif Kanak-kanak	112
2.15 Kajian Luar Negara	120
2.16 Kajian Dalam Negara	142
2.17 Rumusan	150

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan	151
3.2 Pendekatan Kajian	152
3.3 Reka Bentuk Kajian	153
3.4 Pensampelan Kajian	155
3.5 Lokasi Kajian	160
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	161
3.6.1 Pemerhatian	162
3.6.2 Temu bual	164
3.6.3 Analisis Dokumen	166
3.7 Instrumen Kajian	167
3.8 Prosedur Penganalisisan Data	171





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

3.9 Menentukan Kesahan Modul	174
3.10 Menentukan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	175
3.11 Kajian Rintis Modul Pendidikan Akhlak (MPAL)	176
3.12 Prosedur Pelaksanaan Kajian	178
3.13 Triangulasi Data	182
3.14 Etika Pelaksanaan Kajian	183
3.15 Rumusan	184

BAB 4 DAPATAN KAJIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

185

4.1 Pengenalan	
4.2 Analisis prosedur pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dengan menggunakan kaedah Analisis Dokumen	186
4.3 Analisis dapatan data dari instrumen Soal Selidik Kandungan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)	202
4.4 Analisis dapatan data dari Soal Selidik Kebolehpercayaan Instrumen Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-kanak Berumur Tiga hingga Empat Tahun	206
4.5 Analisis data pemerhatian tingkah laku kanak-kanak berumur tiga hingga empat tahun	208
4.6 Analisis data temu bual separa struktur berkaitan pembentukan tingkah laku kanak-kanak berumur tiga hingga Empat	219
4.7 Rumusan	243



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	222
5.2 Perbincangan	246
5.3 Implikasi Dapatan Kajian	256
5.4 Sumbangan Kajian	258
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	258
5.6 Kesimpulan	260

RUJUKAN

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Kanak-kanak Terlibat dengan Jenayah mengikut Jantina bagi Tahun 2010-2014	9
1.2 Kesalahan Jenayah Melibatkan Kanak-kanak bagi Tahun 2014 dan 2015	11
3.1 Profil Peserta Kajian	158
3.2 Metodologi Kajian bagi Fasa Pembinaan Modul	180
3.3 Metodologi Kajian bagi Fasa Penilaian Modul	181
4.1 Dapatan Analisis Dokumen semasa Proses Pembinaan Modul	187
4.2 Dapatan Analisis Dokumen Berdasarkan Instrumen Kajian	188
4.3 Senarai Tajuk Kandungan MPAL	199
4.4 Senarai Bahan Media Mengikut Tajuk dan Aktiviti MPAL	200
4.5 Analisis Dapatan Data dari Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan MPAL	203
4.6 Cadangan Penambahbaikan dari Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan MPAL	205
4.7 Data Pemerhatian Tajuk 1	210
4.8 Data Pemerhatian Tajuk 2	213





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

4.9	Data Pemerhatian Tajuk 3	215
4.10	Data Pemerhatian Tajuk 4	218
4.11	Kod Informan Temu bual	220
4.12	Data Temu bual dengan Informan D1	232
4.13	Data Temu bual dengan Informan D2	233
4.14	Data Temu bual dengan Informan D3	235
4.15	Data Temu bual dengan Informan D4	238
4.16	Data Temu bual dengan Informan D5	239
4.17	Data Temu bual dengan Informan D6	242



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Teoritikal Kajian	75
2.2 Fasa Pembinaan dan Penilaian Modul	77
2.3 Kerangka Konseptual Kajian	78
2.4 Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey, 2005.	80
2.5 Model Pembinaan Modul Sidek	89
3.1 Kronologi Fasa Pembinaan dan Penilaian Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman (MPAL)	181
4.1 Sepuluh Langkah Pembinaan Modul yang disesuaikan dari Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey	190
4.2 Sembilan Langkah Pembinaan Draf Modul	191
4.3 Kerangka Prosedur Pembinaan Modul diadaptasi daripada Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey, 2005 dan disesuaikan dengan Model Pembinaan Modul Sidek , 2005.	192
4.4 Dapatan Data bagi Tingkah Laku Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa	211
4.5 Dapatan Data bagi Tingkah Laku Rendah Hati (tidak sompong)	214
4.6 Dapatan Data bagi Tingkah Laku Bersederhana	216





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

4.7	Dapatkan Data bagi Tingkah Laku Bertutur Secara Sopan	218
4.8	Data diperoleh daripada Informan D1	233
4.9	Data diperoleh daripada Informan D2	235
4.10	Data diperoleh daripada Infoman D3	237
4.11	Data diperoleh daripada Informan D4	239
4.12	Data diperoleh daripada Informan D5	241
4.13	Data diperoleh daripada Informan D6	243



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPG	Institut Pendidikan Guru
KAAK	Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia/ Kementerian Pelajaran Malaysia
MPAL	Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman
NAEYC	<i>National Association for the Education of Young Children</i>
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-kanak
PAPN	Pusat Anak PERMATA Negara
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PI	Pendidikan Islam
SAW	Salallah Alaihi Wasallam
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
SWT	Subhanahu Wa Taala
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul
- B Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan Instrumen
- C Borang Senarai Semak Pemerhatian
- D Protokol Temu Bual Separa Struktur
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- F Surat Pelantikan sebagai Pakar Penilai
- G Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832

1.1 Pengenalan*i*.edu.myPerpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini merupakan bab pendahuluan yang akan menjelaskan tentang latar belakang, pernyataan masalah kajian, objektif, diikuti dengan soalan kajian, kepentingan dan batasan kajian. Seterusnya, pengkaji menjelaskan definisi operasional berkaitan tajuk iaitu Pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman dan kesannya terhadap tingkah laku positif kanak-kanak serta diakhiri dengan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam latar belakang kajian, dibincangkan beberapa perkara seperti latar belakang pendidikan awal kanak-kanak dan kepentingannya, pendidikan akhlak dan hubungannya dengan kandungan Surah Luqman.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2.1 Pendidikan Awal Kanak-kanak

Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) atau *early childhood education* merupakan peringkat pendidikan yang paling asas dalam kehidupan seseorang. PAKK menjadi tapak pertama sebelum seseorang individu melangkah masuk ke alam pendidikan yang formal. Setiap individu manusia berhak mendapat pendidikan asas yang menyeluruh kerana pendidikan yang baik akan menghasilkan pertimbangan sosial yang baik (Nor Fauzian, 2015).

Program PAKK merangkumi semua program pendidikan yang disediakan bagi kanak-kanak yang berusia sejak lahir hingga ke lapan tahun (0-8 tahun). Program PAKK meliputi program-program yang menyediakan perkhidmatan seperti layanan, asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak (Sue Bredekamp dan Carol Copple, 1992; tbupsi 1995; 1997, NAEYC, 2011; Azizah, 2002; Aminah, 2005 dan Nor Fauzian, 2009).

Program-program PAKK menyediakan kanak-kanak dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang berfokus kepada pencapaian dalam semua aspek perkembangan termasuk jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial secara menyeluruh dan seimbang. Menurut Azizah (2002), PAKK melibatkan program-program yang disediakan bagi peringkat bayi (*infants*), kanak-kanak bertatih (*toddlers*), sekolah asuhan (*nursery school*), jagaan kanak-kanak (*child-care*), dan program-program seperti *kindergarten*, tadika, prasekolah dan juga sekolah rendah (Tahap Satu).





Selain itu, Morrison (2000) pula mendefinisikan program awal kanak-kanak sebagai;

The term early childhood refers to the period from birth to age eight. Early Childhood program provide services for children from birth through age eight in part day and full day group programs in centers, home and institution kindergartens and primary school and recreational program (Morrison, 2000).

Sejarah PAKK telah bermula sejak zaman sebelum Malaysia merdeka lagi. Namun begitu, PAKK mula mendapat perhatian khususnya apabila kerajaan menggubal Akta Pendidikan 1961, Kaedah-kaedah Pelajaran 1972, dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, 1984.



Selari dengan itu, konsep PAKK di Malaysia pada umumnya dapat dikategorikan kepada dua peringkat yang utama iaitu TASKA (Taman Asuhan Kanak-kanak) dan TADIKA (Taman Didikan Kanak-kanak) berdasarkan tahap umur kanak-kanak.

Peringkat TASKA dikhurasukan bagi kanak-kanak yang berumur di bawah empat tahun (0-4 tahun) manakala peringkat TADIKA pula adalah bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun (4-6 tahun). Pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak amat penting bagi memastikan aspek perkembangan kanak-kanak berlaku secara menyeluruh dan bersepadu di samping dapat menyuburkan potensi yang ada pada diri setiap kanak-kanak.





Sehubungan dengan itu, beberapa dasar dan polisi telah diwujudkan bagi menentukan hala tuju program pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Penjelasan berkaitan dasar negara jelas dilihat menerusi pernyataan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (2008) iaitu;

Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ialah dasar yang komprehensif bagi memastikan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari lahir hingga empat tahun. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Dasar ini adalah pengukuh serta pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada (Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 2008).



kanak Kebangsaan (2008) memberi signifikan penting. Ini adalah kerana kanak-kanak merupakan kumpulan masyarakat yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan atau *Non-Government Organisation* (NGO), pihak swasta, dan ibu bapa supaya mereka dapat membesar mengikut acuan Malaysia.

Justeru, bagi mencapai hasrat negara ke arah melahirkan modal insan yang berakhhlak mulia dan berkualiti tinggi, maka pelbagai pihak perlu bertanggungjawab, dan bersama-sama menggembeleng usaha dan tenaga serta sumber kepakaran yang ada. Di samping menyediakan program perkhidmatan, pendidikan, latihan, perlindungan dan kemudahan yang dapat merangsang perkembangan positif kanak-kanak.





Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (2008) juga menjadi titik tolak kepada perancangan jangka panjang negara. Pelaburan awal dalam pembangunan modal insan amat perlu seperti yang termaktub dalam Rancangan Malaysia ke-9 bagi mencapai wawasan negara menjelang tahun 2020.

Perhatian khusus yang diberikan kepada PAKK merupakan salah satu strategi mekanisme negara sebagai gagasan pendidikan sepanjang hayat. Adalah diharapkan melalui gagasan ini, negara dapat menghasilkan warga yang mempunyai jati diri yang mantap, berakhhlak mulia, berilmu pengetahuan, dan berkemahiran serta berjaya menangani cabaran sosio ekonomi dan teknologi global terkini.



Umum mengetahui tentang kepentingan pendidikan diberikan sebaiknya

peringkat awal kanak-kanak. Ini adalah kerana perkembangan menyeluruh kanak-

kanak berlaku dengan pesat dan optimum pada usia lapan tahun ke bawah.

Hal ini diperkuuhkan dengan pernyataan Bredekamp dan Copple (1997) seperti berikut;

In the first three years of life, children learns, or fail to learn, how to get along with others, how to resolve disputes peacefully, how to use language as a tool of learning and persuasion, and how to explore the world without fear. Brain research reveals that most of the connections that will be maintained throughout life are formed during childhood (Bredekamp & Copple, 1997).





Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) adalah asas terpenting dalam kehidupan manusia. Ia berfungsi mencorakkan peribadi dan sahsiah seseorang. Asas pendidikan yang diterima pada peringkat awal usia memberi impak yang sangat hebat kepada peringkat kehidupan seterusnya. Oleh itu, corak pendidikan yang diterima seharusnya menjelaskan konsep dan prinsip-prinsip yang digarap dengan konsep pengajaran yang efektif. Pendidikan berkualiti yang diterima akan melahirkan generasi yang berakhhlak mulia dan bertanggungjawab terhadap agama, masyarakat dan negara.

Dari sudut pandangan tokoh pendidikan Islam, Iman Al-Ghazali (2003) menyebut bahawa kanak-kanak perlu dididik sejak dilahirkan. Beliau menegaskan, hanya wanita yang solehah dan memiliki tingkah laku mulia sahaja yang layak



menjaga atau mengasuh seorang bayi atau kanak-kanak. Ini adalah kerana kanak-kanak perlu diajar dengan pendidikan agama dan adab-adab sopan dalam kehidupan. Ini selaras dengan tujuan pendidikan awal kanak-kanak iaitu supaya kanak-kanak bertingkah laku yang baik, seperti sentiasa merendah diri, tidak bercakap bohong, bersederhana, bersahabat dengan orang yang baik dan tidak sompong atau membangga diri (Iman Al-Ghazali, 2015).

1.2.2 Pendidikan Akhlak

Dalam konteks Islam, Al-Quran merupakan sumber bagi segala ilmu. Isi kandungan dan ayat-ayat Al-Quran adalah wahyu Allah SWT yang telah diturunkan melalui malaikat Jibrail kepada Rasulullah SAW dengan pelbagai keistimewaan. Kandungan





ilmunya selari dengan kemajuan dunia sehingga hari Kiamat (Shahabuddin & Nazrul, 2011). Selain itu, agama Islam telah menganjurkan beberapa metode pendidikan yang mantap dan relevan seperti yang terdapat dalam Al-Quran melalui Surah Luqman (Rosnaaini Hamid, Suhanim Abdullah dan Syahrul Faizaz Abdullah, 2008; Rosnaaini dan Suhanim, 2012).

Aspek yang berkaitan dengan pendidikan akhlak kanak-kanak banyak disebut di dalam Al-Quran khususnya menerusi ayat-ayat 30 hingga 34, dan ayat 151 dari Surah Al-Baqarah serta dari ayat 12 hingga ayat 19, Surah Luqman. Menerusi Surah Luqman, Allah SWT telah memberi garis panduan yang jelas mengenai kaedah pendidikan untuk anak-anak. Kaedah pendidikan yang disarankan oleh Luqman bukan sahaja menepati kehendak dan keperluan masa kini, malah kaedah seperti nasihat



Peribahasa Bahasa Melayu ada menyebut bahawa “jika hendak melentur buluh; biarlah dari rebungnya”. Peribahasa berkenaan merujuk kepada proses pendidikan yang sepatutnya bermula sejak dari kecil lagi. Oleh itu, PAKK seharusnya menjadi platform yang terbaik untuk kanak-kanak diberi asuhan dan didikan yang sewajarnya. Segala bentuk pendidikan sepatutnya disemai dan diperkuuhkan pada peringkat asas ini termasuklah pendidikan akhlak dan pemupukan tingkah laku yang baik dan positif. Maka, dalam memberi pendidikan yang sempurna, sewajarnya pendidik merujuk kepada Al-Quran menerusi Surah Luqman (Surah ke-31; Juzuk 21; ayat 12-19) sebagai panduan.





Kini, telah tiba masanya sistem pendidikan kembali terarah ke landasan yang benar. Pendidikan awal yang diberikan kepada kanak-kanak seharusnya berpandukan kepada Al-Quran dan Hadis yang didasari oleh keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Sekiranya pendidikan gagal meletakkan Al-Quran dan Hadis sebagai tonggak utama, maka proses pembentukan sahsiah muslim yang komited terhadap tuntutan agama juga akan menghadapi kegagalan (Shahabuddin dan Nazrul, 2011).

Hakikatnya, Barat dan Islam mempunyai perspektif yang hampir sama dalam hal yang berkaitan dengan pendidikan pada peringkat awal usia kanak-kanak. Namun, Islam lebih menekankan pembentukan sahsiah seseorang kanak-kanak berbanding tingkah laku fizikal. Akhlak perlu diterapkan seiring dengan penerapan iman dalam roh dan jiwa (Mastura Badzis, 2009).



Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengemukakan satu alternatif sebagai sumbangan dalam bidang asuhan dan didikan kepada kanak-kanak pada peringkat awal usia dengan membina satu modul yang dinamakan sebagai Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) sebagai panduan pendidikan akhlak kepada para pendidik PAKK.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam usaha negara mencapai status negara maju, gejala keruntuhan akhlak semakin menjadi-jadi. Kewujudan permasalahan akhlak dalam kalangan kanak-kanak sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara. Walaupun akhlak luaran mahu





pun yang melibatkan hubungan dengan Allah; kedua-duanya bukan faktor penyebab yang utama (Zaharah, 2005).

Trenda kehidupan pada masa kini penuh dengan pelbagai isu dan permasalahan yang semakin mencabar. Sistem pendidikan yang sedia ada tidak mampu memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat dalam menangani isu dan permasalahan yang dihadapi. Norma kehidupan masyarakat adakalanya tidak seiring dengan matlamat sistem pendidikan. Sebagai bukti, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Buku JKM (2014) amat membimbangkan. Bilangan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah mengikut jantina dilaporkan seperti berikut:



Kanak-kanak Terlibat dengan Jenayah Mengikut Jantina bagi Tahun 2010-2014

Tahun Jantina	2010	2011	2012	2013	2014
Lelaki	4,182	5,270	5,614	5,254	4,837
Perempuan	283	277	406	330	316

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014)

Berdasarkan dapatan analisis statistik yang diperolehi oleh JKM di atas, jelas menunjukkan kepincangan sistem pendidikan yang menjadi salah satu faktor kepada permasalahan moral yang berlaku dalam masyarakat.

Selain itu, senario masa kini memperlihatkan ciri kanak-kanak yang semakin membimbangkan. Pembentukan akhlak mulia dalam kalangan kanak-kanak





menghadapi cabaran getir, Terdapat kanak-kanak yang terlibat dengan pelbagai tingkah laku yang negatif seperti mencuri, berbohong, tidak solat, boros, merokok, merogol dan bermegah-megah (Fauziah Hanim, Nazariah, Ibrahim dan Melati (2014).

Pada masa kini, kebanyakan kanak-kanak mudah terpengaruh dengan gejala negatif akibat penularan rancangan hiburan di televisyen, video dan media massa yang lain. Pengaruh gadget seperti telefon pintar memudahkan kanak-kanak mengekses maklumat-maklumat yang tidak sewajarnya diketahui oleh mereka. Menurut Latifah, Wan Nasyrudin, dan Nurul Hidayah (2012), kanak-kanak terdedah kepada media massa dan teknologi maklumat seperti rancangan berbentuk hiburan melalui televisyen, CD-ROM dan video-video hiburan yang boleh memberikan kesan negatif ke atas perkembangan akhlak dan jati diri mereka.



Terdapat juga tingkah laku langsang seperti buli, peras ugut, dendam dan antisosial dalam kalangan kanak-kanak (Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman, 2014). Malah, lebih serius lagi gejala vandalisme, gansterisme, dan jenayah berat seperti membunuh dan terjerumus dalam kancalah penyalahgunaan dan pengedaran dadah yang melibatkan kanak-kanak semakin berleluasa kini.

Berdasarkan statistik kadar jenayah dalam kalangan kanak-kanak yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertarikh 15 Disember 2016, menunjukkan kadar jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak berada pada tahap yang amat meruncing. Berikut adalah **Jadual 1.2** yang menunjukkan statistik PDRM.

